

**Perlis sudah nyatakan hasrat laksanakan TEMCO – MB**  
**Astro Awani**  
**08 Ogos 2020**  
**Abdul Hadi Che Awang,**

KANGAR: Kerajaan negeri Perlis sudah memaklumkan mengenai cadangan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (Pentadbiran) atau TEMCO di dua buah kampung di Sanglang kepada Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man menjelaskan, keputusan sama ada penguatkuasaan perintah terbabit akan dilaksanakan ataupun tidak akan bergantung kepada keputusan ujian saringan COVID-19 ke atas 872 orang penduduk di Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul.

"Saya dah maklumkan kepada YB Menteri yang berkenaan iaitu Datuk Seri Ismail Sabri, dan pihak MKN (Majlis Keselamatan Negara) negeri juga telah kemukakan perakuan yang telah dipersetujui di peringkat negeri Perlis.

"Kita pun telah dimaklumkan semasa saya berjumpa dengan yang berhormat menteri kelmarin, dan apa sahaja keputusan yang akan dibuat oleh urusetia pusat, kita ikut. Tapi kita telah mencadangkan supaya dikuatkuasakan TEMCO bagi dua kampung yang berkenaan pada peringkat permulaan," jelasnya.

Beliau berkata demikian berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Seni Silat Negeri Perlis, di sebuah hotel di Kangar pada Sabtu.

Azlan turut menasihatkan seluruh penduduk di negeri Perlis untuk mematuhi segala arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengelakkan penularan ke kawasan-kawasan lain.

Pada Jumaat, beliau menyatakan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (Pentadbiran) atau TEMCO berkemungkinan besar akan dilaksanakan di kawasan Sanglang, Perlis susulan penularan wabak COVID-19 Kluster PUI Sivagangga di kawasan itu.

Jelas beliau, pihaknya melalukan penelitian sebenar berkaitan radius yang melibatkan dua buah kampung yang dikaitkan dengan penularan Kluster Sivagangga iaitu di Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/perlis-sudah-nyatakan-hasrat-laksanakan-temco-mb-254410>